



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 35/2011 (28 Ogos hingga 3 September 2011)

Pada minggu ke-35 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 28 Ogos hingga 3 September, sejumlah 176 kes Demam Denggi dan tiada kematian telah dilaporkan, menurun sebanyak 126 kes atau 42% berbanding dengan 302 kes dengan satu kematian pada minggu sebelumnya. Penurunan kes yang ketara pada minggu lepas kemungkinan dipengaruhi oleh cuti perayaan, yang mana masyarakat tidak pergi mendapat rawatan awal apabila mereka mengalami demam. Hanya sebuah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Sabah yang meningkat sebanyak 1 kes (33%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 3 September, sebanyak 13,578 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 20,254 kes berbanding dengan 33,832 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 22 kematian akibat Demam Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 104 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 47 lokaliti wabak Denggi dipantau di seluruh negara, menurun 16 berbanding 63 lokaliti pada minggu sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, hanya satu lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu

ini melibatkan 29 kes Demam Denggi (Lampiran B). Lokaliti *hot spots* tersebut ialah Taman Melati Utama (Platinum Hill) di zon Setapak, WP Kuala Lumpur.

Walaupun kes demam denggi agak berkurangan jika dibandingkan dengan minggu-minggu sebelumnya, orang ramai digesa supaya tidak mengambil mudah dan mengabaikan kebersihan kawasan persekitaran rumah kediaman masing-masing. Kementerian Kesihatan sentiasa memantau kawasan-kawasan berwabak dengan menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan bagi memastikan pembiakan nyamuk Aedes dapat dihapuskan. Aktiviti pencegahan denggi melalui lori bergerak di tujuh (7) lokaliti panas dan berisiko tinggi denggi di Lembah Klang yang melibatkan penyertaan seramai 4,000 orang telah dimulakan. Antara pengisian aktiviti tersebut ialah kuiz denggi, bual bicara, pameran, edaran risalah dan poster serta tunjukcara penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes. Tindakan penguatkuasaan melalui Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 juga akan dijalankan di mana kompaun maksimum RM500 akan dikenakan kepada penghuni premis membiak jentik-jentik Aedes.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 September 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2011
(28 Ogos hingga 3 September 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 35/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 35/2010
		Minggu 35 (28 Ogos – 3 Sept 2011)	Minggu 34 (21 – 27 Ogos 2011)		
1	Perlis	0	6	68	132
2	Kedah	2	5	327	565 (3)
3	P. Pinang	20	26	1,272 (2)	1,010 (3)
4	Perak	10	19	872 (2)	1,626 (5)
5	Selangor	70	111	5,183 (5)	13,172 (38)
6	WPKL & Putrajaya	17	31	1,256 (1)	3,279 (5)
7	N. Sembilan	7	15 (1)	522 (2)	1,350 (7)
8	Melaka	2	4	277	785 (10)
9	Johor	10	21	1,151 (5)	2,799 (9)
10	Pahang	5	14	655 (1)	1,048 (1)
11	Terengganu	6	8	486 (1)	712
12	Kelantan	13	21	505 (1)	2,317 (9)
13	Sarawak	10	18	688	3,378 (13)
14	Sabah	4	3	307 (2)	1,643 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	MALAYSIA	176	302 (1)	13,578 (22)	33,832 (104)

Nota: () Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 35
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Setapak	Taman Melati Utama (Platinum Hill)	29	62